

Ambiga, pimpinan Bersih akan melepaskan jawatan tak lama lagi
Malaysian Insider
Mei 21,2013
OLEH CLARA CHOOI

KUALA LUMPUR, 21 Mei — Datuk Ambiga Sreenivasan dan kesemua 20 ahli jawatankuasa Bersih 2.0 dijangka akan meletakkan jawatan tidak lama lagi untuk memberi laluan kepada kepimpinan baru badan pemantau pilihan raya itu.

Gabungan untuk pilihan raya bebas dan adil itu akan mengadakan pemilihan dalaman dikalangan 84 organisasi ahli untuk memilih wakil baru bagi mengetuai pergerakan tersebut yang kini telah diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa sebagai kumpulan pendesak untuk reformasi pilihan raya.

Ambiga mengesahkan kepada The Malaysian Insider semalam "akan berlaku perubahan dalam jawatankuasa itu" sebaik sahaja mekanisme untuk memilih pemimpin baru Bersih 2.0 diletakkan.

"Bahagian yang menarik masih lagi disiapkan. Akan tetapi saya boleh katakan kepada kamu pasti akan berlaku perubahan dalam jawatankuasa itu.

"Saya selalu percaya dengan prinsip untuk mempunyai tempoh tertentu untuk apa-apa jawatan.. dan kita bercakap banyak tentang demokrasi jadi kita perlu mengamalkannya.

"Kita percaya tentang kepentingan proses peremajaan dan anda perlu menyerahkan kepimpinan," katanya apabila dihubungi di sini.

"Terdapat ramai orang yang menarik, layak di luar sana yang telah membuktikan kebolehan mereka, telah membuktikan komitmen mereka.. Saya yakin kita tidak kekurangan pemimpin yang layak," tambah beliau.

Ambiga (gambar) mengakui Bersih 2.0 tidak didaftarkan secara rasmi dengan Pendaftar Pertubuhan (RoS) akan tetapi mengatakan mereka tidak perlu berbuat begitu kerana ia merupakan gabungan pertubuhan sah.

"Kami bukan pertubuhan, kami adalah gabungan. Ianya sah," katanya.

Ambiga menambah masih belum disahkan bagaimana gabungan itu mahu menjalankan pemilihan dalaman untuk memilih kepimpinan baru Bersih 2.0, akan tetapi berjanji ia adalah proses demokrasi yang akan menyaksikan semua organisasi ahli akan diwakili secara adil.

Apabila ditanya tarikh spesifik tempoh luput ahli jawatankuasa sekarang, Ambiga mengakui ianya masih belum ditetapkan.

Beliau mengatakan organisasi tersebut kini sibuk menguruskan isu berkaitan pilihan raya 5 Mei di mana ramai yang berhujah ianya dipenuhi dengan penipuan dan kesalahan pilihan raya.

Bersih 2.0 juga akan menubuhkan "Tribunal Rakyat" untuk mendengar rungutan dan akan mengemukakan cadangan dan akan menyerahkan bukti kepada pihak berkuasa berkenaan.

"Saya harap kita dapat meninggalkan lebih awal daripada kemudian dan ia bukan tentang meninggalkan kapal, tetapi ia adalah peremajaan.

"Bagaimanapun, jawatankuasa itu mahu selesaikan beberapa kerja yang telah bermula. Apabila kita selesai dengan tribunal ini, maka kita akan bersedia untuk menyerahkan," katanya.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ambiga-pimpinan-bersih-akan-melepaskan-jawatan-tak-lama-lagi/>